



Pertandingan Kreatif
IKLAN & FILEM PENDEK
"Kijra'ah"

Kategori yang dipertandingkan

iklan (promo)

**tidak melebihi
1 minit**

filem pendek

5- 10 minit

* tandakan (/) dipetak kategori yang disertai.

* Isi 1 (satu) borang bagi setiap penyertaan.

tarikh tutup penyertaan

15 APRIL 2009

MAKLUMAT PESERTA

GAMBAR
BERUKURAN
PASPORT

Tajuk Produksi : _____
Durasi : _____
Tahun diterbitkan : _____
Alamat : _____
No. Telefon : _____
No. Faks : _____
E-mel : _____

Nota:

* Borang juga boleh dimuat turun melalui laman web www.filemnegara.gov.my, www.moi.gov.my dan www.islam.gov.my

* Salinan fotostat borang penyertaan boleh digunakan tetapi perlu tandatangan asal peserta.

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa segala maklumat di atas adalah benar dan bersetuju dengan syarat-syarat penyertaan yang ditetapkan oleh penganjur
PERTANDINGAN KREATIF IKLAN DAN FILEM PENDEK "HIJRAH".

Nama Penuh : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Tandatangan Peserta :

Tarikh :

Syarat-Syarat Penyertaan

1. Terbuka kepada semua warganegara Malaysia.
2. Tema bagi produksi adalah HIJRAH (penerangan berkaitan seperti di lampiran) dan mestilah berbahasa Malaysia.
3. Produksi yang dihasilkan pada tahun 2008 sehingga tarikh tutup penyertaan layak menyertai pertandingan.
4. Bagi kategori iklan (promo) tidak melebihi 1 minit, penyertaan boleh dihantar dalam bentuk iklan biasa dan animasi.
5. Bagi kategori filem pendek durasi 5 hingga 10 minit, penyertaan boleh dihantar dalam bentuk dokumentari, animasi, eksperimental dan jenaka.
6. Produksi mestilah tidak memaparkan isu-isu sensitif atau kontroversi dari segi budaya dan agama masyarakat Malaysia.
7. Produksi mestilah karya asal pemohon dan tidak pernah memenangi anugerah dalam mana-mana festival filem / video peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
8. Format produksi hendaklah memenuhi kualiti siaran (broadcast standard).
9. Peserta digalakkan menggunakan skor muzik asal. Jika menggunakan pakai music track yang sedia ada di pasaran / hakmilik orang lain, peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak-pihak yang berkenaan.
10. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Penyertaan adalah percuma.
11. Bukti penghantaran tidak dianggap sebagai bukti penerimaan. Surat pengesahan rasmi penerimaan akan dikeluarkan oleh Urus Setia kepada setiap peserta.
12. Penganjur berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap dan lewat diterima.
13. Salinan DVD dan bahan-bahan lain yang diterima tidak akan dikembalikan.
14. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli / diciplak.
15. Kemenangan peserta akan dibatalkan dan hadiah-hadiah yang diterima akan ditarik balik sekiranya hasil karya tidak asli / diciplak.
16. Keputusan Panel Juri adalah muktamad.
17. Hakcipta produksi adalah hakmilik peserta. Peserta mestilah membenarkan Urus Setia Pertandingan Kreatif Iklan & Filem Pendek "Hijrah" menggunakan produksi tersebut untuk tujuan promosi dan siaran di TV sebelum, semasa dan selepas pertandingan.

18. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap apa jua bentuk tuntutan berkaitan dengan produksi terhadap peserta oleh mana-mana pihak yang berkenaan.
19. Borang Penyertaan hendaklah disertakan dengan :
- a) Sinopsis produksi.
 - b) 2 salinan DVD.
 - c) Biodata peserta.
 - d) 1 salinan surat kelulusan jika mengguna pakai music track di pasaran / hakmilik orang lain.
 - e) 1 salinan Kad Pengenalan peserta.
 - f) Perakuan dari Institusi Pengajian / Jabatan / Agensi – Borang 1
 - g) Perakuan Tenaga Kreatif Produksi – Borang 2
 - h) Perakuan Tidak Memenangi Anugerah – Borang 3

Penyertaan perlu dihantar ke alamat berikut :
Urus Setia Pertandingan Kreatif Iklan Dan Filem Pendek “Hijrah”
Jabatan Filem Negara Malaysia
Jalan Utara
46547 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.

20. Untuk pertanyaan / keterangan lanjut, sila hubungi :

Ø En. Ahmad Junaidi Reappai
Ø En. Nyoh Austine Sidai

No. Telefon : 03-79682149 / 03-79682081

No. Faks : 03-79682052 / 03-79567463

E-mel : junaidi@filemnegara.gov.my
nyoh@filemnegara.gov.my

latar belakang

Pertandingan Kreatif Iklan dan Filem Pendek TV 'Hijrah' adalah anjuran Kementerian Penerangan dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri sempena sambutan Maal Hijrah 1430H. Program ini merupakan salah satu usaha perintis untuk mengembangkan lagi bidang penerbitan karya penyiaran berkonsepkan penyampaian mesej murni khususnya berkaitan semangat 'Hijrah'. Program ini bermatlamat untuk memupuk masyarakat berkeaktiviti dalam menghasilkan karya iklan/filem pendek yang menarik, berkesan serta mampu menyebarkan mesej murni dalam usaha membentuk sebuah masyarakat Malaysia berkonsepkan Islam Hadhari. Disamping dapat membentuk keperibadian dan kualiti hidup rakyat tanpa mengira asal keturunan dan budaya, pertandingan ini juga diharap dapat membudayakan masyarakat ke arah kualiti kehidupan yang lebih baik, sempurna dan berakhlak mulia (pembentukan jati diri). Selain menjadi platform bagi memberi pengiktirafan kepada mereka yang akan menceburi program ini.

Pengertian Konsep Hijrah

Pengertian 'Hijrah' dari segi bahasa bermaksud "pindah ke satu tempat atau negeri yang lain dari negeri asal," Manakala dalam pengertian lebih umum ianya bermaksud berpindah daripada suatu keadaan kepada suatu keadaan yang lebih baik, merangkumi perpindahan kepada hidup yang lebih baik, lebih maju, lebih mulia dan lebih bermakna dan hal ini dapat disebutkan penghijrahan jiwa, mental dan fizikal. Penghijrahan sikap, iman, akhlak dan sebagainya yang dapat mengubah individu khususnya umat Islam daripada keadaan yang lemah kepada keadaan yang lebih kuat, daripada amalan tidak baik kepada amalan lebih baik, daripada ketinggalan dalam segala pembangunan ilmu, ekonomi, maruah dan sebagainya, menjadi umat yang berketerampilan, berilmu, maju dalam bidang ekonomi, teknologi dan tinggi dalam segala bidang kehidupan dunia dan akhirat, serta kuat dalam amalan kerohanian.

borang 1

PERAKUAN DARI INSTITUSI / JABATAN / AGENSI

RUJUKAN KAMI :
TARIKH :

Urus Setia
PERTANDINGAN KREATIF IKLAN DAN FILEM PENDEK " HIJRAH "
Jabatan Filem Negara Malaysia
Jalan Utara
46547 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

(u.p.: Encik Ahmad Junaidi Reappai/ Nyoh Austine Sidai)

Tuan,

PERAKUAN PESERTA UNTUK PERTANDINGAN KREATIF IKLAN DAN FILEM PENDEK " HIJRAH "
Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. _____ No. Kad Pengenalan _____
adalah pelajar di institusi ini. Beliau mengemukakan produksi bertajuk _____

_____ untuk menyertai kategori _____ PERTANDINGAN KREATIF IKLAN
DAN FILEM PENDEK " HIJRAH " anjuran Kementerian Penerangan Malaysia dengan kerjasama
Jabatan Perdana Menteri.

Sekian dimaklumkan.

Terima kasih.

Yang benar,

borang 3

PERAKUAN TIDAK MEMENANGI ANUGERAH

Saya mengaku bahawa produksi bertajuk _____

yang menyertai kategori _____

PERTANDINGAN KREATIF IKLAN DAN FILEM PENDEK "HIJRAH" tidak pernah memenangi
anugerah dalam mana-mana festival filem / video peringkat kebangsaan dan antarabangsa .

Nama Penuh : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Tandatangan Peserta :

Tarikh :